

1,104,873 sudah terima vaksin lengkap 2 dos

(3 Jun 2021) Berita Harian, p.8

Kuala Lumpur: Seramai 1,104,873 penduduk di Malaysia sehingga ini sudah menerima suntikan pelalian COVID-19 secara lengkap, iaitu dua dos.

Perangkaan setakat semalam itu mewakili 4.17 peratus daripada 26.5 juta penerima yang didasarkan dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi membentuk imuniti kelompok.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata jumlah keseluruhan pemberian vaksin COVID-19 setakat semalam ialah 3,107,218 dos.

Hasil pelbagai usaha dirintis kerajaan dalam meningkatkan kadar inokulasi, beliau berkata, sebanyak 98,789 dos suntikan vaksin berupaya diberikan kepada penerima yang layak, kelmarin.

“Jumlah yang terima dos pertama ialah 2,002,345 orang. Daripada jumlah itu, 1,104,873 orang terima dos kedua,” katanya dalam kenyataan di Twitter, semalam.

Sementara itu, berdasarkan

graf mengenai pemberian suntikan sekurang-kurangnya satu dos vaksin yang diterbitkan Our World in Data, Malaysia mendahului beberapa negara jiran di rantau ini, antaranya Indonesia, Filipina, Thailand, Myanmar dan Vietnam.

Malaysia merekodkan 6.2 peratus daripada keseluruhan populasi sudah diberikan sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin, manakala Indonesia (6 peratus), Filipina dan Thailand, masing-masing 3.6 peratus, Myanmar (3 peratus) dan Vietnam (1 peratus).

Kadar inokulasi atau pemberian suntikan vaksin kepada penerima di Malaysia juga dilihat meningkat secara mendadak, mulai 10 April lalu, sebelum memintas perangkaan yang direkodkan Indonesia, pada 28


Mei lalu.

Mengikut laporan media antarabangsa, Kerajaan Indonesia mula menggerakkan kempen inokulasi, menggunakan bekalan vaksin Sinovac, yang diperolehi menerusi syarikat farmaseutikal dari Beijing, China, untuk 181.5 juta penduduknya, sejak 3 Januari lalu.

Secara perbandingan, Malaysia pula memulakan PICK pada 23 Februari lalu, dengan menyasarkan 26.5 juta penerima atau 80 peratus daripada keseluruhan 32.6 juta penduduk di Malaysia bagi mencapai imuniti kelompok.

Malaysia ketika ini menggunakan bekalan vaksin yang diperolehi daripada beberapa syarikat farmaseutikal seperti Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac.

Statistik individu yang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19



TERKINI PROGRAM VAKSINASI

JUMLAH DAFTAR
12,414,513

JUMLAH DIVAKSIN
3,107,218

DOS PERTAMA
2,002,345

DOS KEDUA
1,104,873